



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**PENCAPAIAN PEMATUHAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN 99.9% PADA 25 MAC 2020, HADIAH RAKYAT  
ATAS USAHA GIGIH BERSAMA**

**SELAMAT MENYAMBUT HARI POLIS KE 213 TAHUN.**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**25 MAC 2020 (RABU)  
8.45 MALAM**

**MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat lagi saya bersiaran secara *live* melalui *cyber* untuk menyampaikan penghargaan dan amanat saya kepada semua petugas dan penduduk Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Polis yang ke 213 yang jatuh pada 25 Mac kepada seluruh anggota polis Negeri Pulau Pinang dan juga kepada semua anggota Polis Bantuan MBSP kerana telah menjalankan amanah Negara dengan sebaiknya di saat berlakunya ancaman wabak COVID-19 ini. Kerjasama padu di antara pihak MBSP, PDRM, ATM di lapangan telah berjaya mencapai tahap pematuhan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 52 % pada hari pertama 18 Mac 2020 kepada 99.9% pada 25 Mac 2020. Ini adalah hadiah rakyat atas usaha gigih kita bersama sepanjang tempoh ini.

Penghargaan tidak terhingga juga saya ucapkan kepada Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis (CP) Datuk Sahabudin Bin Abdul Manan, Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, Ketua Polis Daerah, Ketua-Ketua Balai Polis Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan, semua anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah bersama-sama membantu sehingga tercapainya pematuhan PKP yang cemerlang. Semoga pengorbanan ini membolehkan rakyat menjalani kehidupan yang lebih selesa dan normal tidak lama lagi. Tidak terkecuali juga barisan *front liner* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sentiasa bertungkus lumus menghadapi pesakit-pesakit COVID-19. Mereka juga sanggup bersengkang mata, meninggalkan sebentar keluarga untuk memberi bantuan dan sokongan kepada pesakit-pesakit ini. Saya hargai usaha kalian dan syabas saya ucapkan.

Tahniah dan syabas juga kepada semua Ahli-Ahli Majlis MBSP bersama pasukan Direktorat Penguatkuasaan, Polis Bantuan, Wira Oren MBSP, Jabatan Pelesenan MBSP Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP, Jabatan Pengurusan Krisis MBSP, dan jabatan-jabatan lain turut turun padang bersama-sama dalam Operasi Lawan COVID-19 ini. Anda semua adalah *front liner* yang sanggup berkorban siang dan malam untuk Seberang Perai, Pulau Pinang dan Malaysia amnya.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengeluarkan arahan terkini bahawa semua pasaraya, restoran, kedai makan, café, Restoran Makanan Segera, stesyen minyak, kedai serbaneka, kedai runcit dan farmasi di seluruh Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai dibenarkan beroperasi hanya bermula 6.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja bermula pada hari ini, 25 Mac 2020. Waktu operasi Stesyen Minyak selain daripada Stesyen Minyak yang berada di lebuh Raya adalah bermula 6.00 pagi hingga 8.00 malam, manakala yang berada di lebuh raya dibenarkan beroperasi tanpa had masa. Bagi aktiviti bengkel kenderaan, tempoh masa operasi masih dikenalkan mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang untuk pemberian kecemasan sahaja. Selain itu klinik, Hospital Swasta dibenarkan beroperasi tanpa had masa, manakala perniagaan yang bukan memberi *essential service* kekal tidak dibenarkan beroperasi. Justeru, penguatkuasaan yang terdiri daripada Jabatan Pelesenan, Direktorat Penguatkuasaan dan Bailif MBSP akan membuat rondaan dan memastikan arahan pematuhan ini dipatuhi oleh semua pihak.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penduduk Seberang Perai yang telah menyahut seruan yang telah saya buat sejak

hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan iaitu 18 Mac 2020 supaya mengurangkan penghasilan sampah. Ternyata data kutipan sampah di Stesyen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung telah berkurangan. Keseluruhan jumlah kutipan sisa bagi sepanjang seminggu Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah sebanyak 10,105.83 tan iaitu pengurangan sebanyak 22.26% dibandingkan dengan tempoh seminggu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan.

Perinciannya, Jumlah sisa domestik yang dikutip bagi tempoh seminggu daripada 18 hingga 24 Mac 2020 ialah sebanyak 4,177.07 tan. Beratan ini menunjukkan penurunan sebanyak 9.73% berbanding jumlah kutipan seminggu lalu. Bagi jumlah sisa industri pula, dalam tempoh tersebut, adalah sebanyak 5,961.76 tan. Beratan ini juga menunjukkan penurunan sebanyak 28.78% berbanding jumlah kutipan seminggu yang lalu.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Isu COVID-19 ini bukan isu biasa malah ia bersifat sejagat dan universal. Kita tidak dapat menanganinya kalau tiada kerjasama daripada semua pihak. Sempena Hari Polis ke 213, Saya telah membuat lawatan ringkas dan bertemu dengan Ketua Polis Daerah SPU , SPS dan Timbalan Ketua Polis Daerah SPT pada hari ini 25 Mac 2020 untuk berbincang

kerjasama selanjutnya selepas YAB Perdana Menteri melanjutkan tempoh PKP sehingga 14 April 2020. Saya amat terharu dengan kesungguhan Ketua Polis Daerah SPU, SPS, Timbalan Ketua Polis Daerah SPT serta semua anggota PDRM dan ATM dalam kerjasama strategik dengan MBSP melaksanakan PKP. Justeru sempena Hari Polis ke 213, Sukacitanya saya ingin mengumumkan, MBSP akan menyediakan perkhidmatan pungutan sampah di semua sekatan jalan raya yang dikendalikan secara bersama PDRM dan ATM. MBSP juga akan memberi perkhidmatan disinfeksi di kawasan sekatan jalan raya tersebut supaya anggota keselamatan merasa selamat dan boleh terus bertugas sehingga tempoh PKP selesai sepenuhnya.

Saya mendoakan agar kita semua terus cekal, tabah dan marilah sama-sama kita mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan ini **#stayathome #workfromhome** agar penularan wabak ini dapat dihentikan. Marilah sama-sama kita berdoa agar Pulau Pinang dan Negara kita Malaysia akan kembali sihat seperti sediakala dan kita dapat menjalankan rutin harian seperti biasa.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terimakasih.**